

Pemuda PAS ikrar tegakkan kebebasan berhimpun
MalaysiaKini.com
February 23,2012

Keputusan Mahkamah Sesyen Kuala Lumpur, semalam yang menjatuhkan hukuman penjara sehari dan denda RM2,000 ke atas 11 individu yang membantah Akta Keselamatan Dalam Negeri (ISA) pada 2009 hanya memperkuat hasrat Pakatan Rakyat bagi memastikan kebebasan rakyat untuk berhimpun secara aman apabila mereka mentadbir Putrajaya kelak.

“Bagi Pemuda PAS, hukuman yang dikenakan tidak akan mematikan semangat perjuangan jutaan rakyat yang bangkit dalam himpunan terbabit kerana sememangnya ISA diterima rakyat sebagai akta yang zalim dan menindas rakyat.

“Malah, PAS percaya rakyat semakin bersemangat dan berkobar-kobar menantikan himpunan lain dalam menentang sebarang bentuk kezaliman yang berlaku,” kata ketua penerangan Pemuda PAS, Riduan Mohd Nor (kanan) dalam satu kenyataan media

Menurut, mereka yang terlibat dan ditahan itu benar-benar membuktikan bahawa perjuangan menuntut keadilan bukan suatu perjuangan yang kecil dan ringan, melainkan ia menuntut pengorbanan yang besar, sekalipun terpaksa mendekam dalam penjara besi atau didenda.

“PAS mengharapkan hukuman yang dikenakan ini tidak melemahkan semangat juang para aktivis terbabit, sebaliknya ia menjadi suatu inspirasi kepada mereka untuk terus gigih berjuang menentang sebarang bentuk kezaliman di negara ini.

“Tidak ada istilah lemah semangat atau berundur sebelum memastikan negara ini benar-benar bebas dari penindasan. Sejarah akan mengenang semua tahanan ini sebagai contoh insan yang begitu prihatin dan peka terhadap suasana yang berlaui di negara ini,” katanya.

Pada 3 Ogos, 2009, seramai 16 orang dihadapkan ke mahkamah dan didakwa di bawah Kanun Keseksaan kerana menyertai perhimpunan haram.

Selain itu, mereka juga dituduh di bawah Akta Polis 1967.

Mereka dikatakan berkumpul di tempat mereka ditahan antara jam 9 pagi dan 1.30 petang, pada 1 Ogos, 2009, di sekitar Masjid Negara dan Jalan Tunku Abdul Rahman, di Kuala Lumpur.

Bagaimanapun pada perbicaraan semalam, tiga tertuduh tidak hadir di mahkamah dan waran tangkap dikeluarkan terhadap mereka. Dua lagi tidak hadir dengan kebenaran mahkamah dan hukuman ke atas mereka belum dijatuhkan.

Mereka yang didakwa itu ialah Nordin Mohamad, Hayati Abdul Samad, Salmah Ismail, Norlaila Othman, Nashita Mohd Noor, Rashini, Hasbullah Pit, Wan Muhamad Jazlan Razali, Mohd Petri Mohd Yassin, Syaza Muaz Shaharudin, Mohd Sukri Mohd Sirat, Mohamad Sukeri Muhammad, Mohd Sallehuddin Yusop, Zulsifli Kama Kutty, Mohd Fazly Mohd Ismail, dan Norazam Sakib.

Menurut Riduan, beliau berharap para aktivis terbabit serta rakyat seluruhnya supaya bersabar seketika dalam menghadapi pelbagai bentuk cabaran sehingga pilihan raya umum ke-13 nanti.

“PAS memberi jaminan, Pakatan Rakyat akan memastikan ISA akan dihapuskan seluruhnya apabila Pakatan mentadbir Putrajaya kelak serta kebebasan rakyat dalam mengadakan himpunan aman,” akhirnya.

